

PayNet, Yayasan IJN jalin kerjasama salur derma

Perkhidmatan DuitNow permudahkan orang ramai beri sumbangan

Kuala Lumpur: Rangkaian pembayaran utama Malaysia, Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) mengumumkan kerjasama dengan Yayasan Institut Jantung Negara (IJN) bagi membolehkan penderma untuk menyalurkan derma kepada yayasan dengan menggunakan perkhidmatan DuitNow, yang berkembang pesat di PayNet.

Timbalan Pengarah PayNet, Khairuan Abdul, berkata perkongsian itu akan memperlihatkan PayNet memanfaatkan kuasa dan mempamer kepelbagaian perkhidmatan DuitNow.

Kini, dengan DuitNow anda boleh menyalurkan sumbangan kepada Yayasan IJN, menggunakan hanya nombor pendaftaran syarikat yayasan, iaitu 362551V.

"DuitNow sudah mengubah landskap e-Pembayaran Malaysia yang tidak dapat ditandingi kemudahan dan kecekapannya. Kami mahu memanfaatkan lonjakan kuantum yang kuat dalam teknologi pembayaran elektronik untuk membantu rakyat Malaysia memberikan kembali kepada satu sama lain," katanya.

Khairuan berkata, PayNet percaya bahawa kemudahan yang lebih mudah untuk menderma melalui DuitNow akan membantu memperkasakan Yayasan IJN dengan dana diperlukan untuk membantu mereka yang benar-benar memerlukan.

DuitNow adalah perkhidmatan dikendalikan oleh PayNet yang membolehkan pelanggan bank memindahkan wang dengan mudah, serta-merta dan selamat hanya menggunakan nombor telefon bimbit penerima, nombor kad pengenalan atau nombor pendaftar



Khairuan menyampaikan replika cek kepada Raja Zuraida bagi sumbangan dari DuitNow ke Yayasan IJN pada majlis pengumuman kerjasama PayNet dan Yayasan IJN di IJN, Kuala Lumpur, baru-baru ini. (Foto Zunnur Al Shafiq /BH)

ran perniagaan.

Pengguna boleh menggunakan DuitNow untuk membuat dan menerima semua jenis urusan pembayaran, termasuk menderma dan sumbangan amal lain.

Sumbangan yang dibuat melalui DuitNow akan menawarkan kemudahan dan keselamatan serta akan disalurkan secara langsung kepada penerimanya.

"Bagi menggunakan DuitNow, ia cukup mudah di mana pelanggan hanya perlu log masuk ke saluran Perbankan Mudah Alih dan Internet pilihan mereka, kemudian cari DuitNow di bawah menu *Transfer Funds* atau peminadhan dana," katanya.

Pada masa ini ada lebih daripada 35 bank yang menyokong perkhidmatan DuitNow.

Sehingga kini, DuitNow sudah mencatatkan hampir 8 juta pengguna dan dengan cepat menjadi penyelesaian e-Pembayaran pili-

han untuk rakyat Malaysia di seluruh negara.

Sempena pengenalan, DuitNow juga sudah menyumbangkan sejumlah wang RM20,000 kepada Yayasan IJN.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Institut Jantung Negara (IJN), Datin Seri Raja Zuraida Raja Mansur, berkata dengan kerjasama dengan PayNet dan melalui DuitNow, yayasan berharap dapat meningkatkan cabaran menangani kos perubatan rawatan yang terus meningkat dan sumbangan semakin kritikal, bagi membolehkan penjagaan berkualiti sepenuhnya untuk setiap pesakit yang layak.

Ditubuhkan pada 1995, Yayasan IJN adalah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang mengumpul dana untuk pesakit jan-

tung kurang bernasib baik di IJN.

Yayasan IJN adalah satu-satunya organisasi, mempunyai misi untuk meningkatkan sokongan dermawan dan menguruskan dana awam bagi membantu kos dan kebajikan pesakit yang memerlukan bantuan.

Pada masa sama, yayasan turut membantu IJN bagi kerja penyelidikan, pendidikan dan latihan yang canggih.

Sehingga kini, Yayasan IJN sudah menyediakan bantuan perubatan atau kewangan kepada lebih daripada 2,000 pesakit yang memerlukan, yang mana lebih daripada 300 adalah pesakit pediatrik.

Dianggarkan RM4 juta setiap tahun; Yayasan IJN mengeluarkan dana bagi membantu pesakit.

DuitNow sudah mengubah landskap e-Pembayaran Malaysia yang tidak dapat ditandingi kemudahan dan kecekapannya. Kami mahu memanfaatkan lonjakan kuantum yang kuat dalam teknologi pembayaran elektronik untuk membantu rakyat Malaysia memberikan kembali kepada satu sama lain.

Khairuan Abdul, Timbalan Pengarah PayNet

Kerjasama dengan PayNet dan melalui DuitNow, yayasan berharap dapat meningkatkan cabaran menangani kos perubatan rawatan yang terus meningkat dan sumbangan semakin kritikal, bagi membolehkan penjagaan berkualiti sepenuhnya untuk setiap pesakit yang layak.

Datin Seri Raja Zuraida Raja Mansur, Pengerusi Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan IJN



Antara bank yang menawarkan perkhidmatan DuitNow.

Masuk Nombor Pendaftaran Syarikat dan hantar